

RANG UNDANG-UNDANG EKSTRADISI 1991

---

SUSUNAN FASAL

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Perintah Menteri.
3. Arahan khas Menteri untuk memakai Akta ini jika tiada perintah dibuat di bawah seksyen 2.
4. Arahan Menteri untuk memakai prosedur dalam seksyen 20.
5. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KESALAHAN EKSTRADISI

6. Kesalahan ekstradisi.
7. Undang-undang sesebuah negara.

BAHAGIAN III

PEMULANGAN PENJENAYAH BURUAN

8. Sekatan ke atas pemulangan penjenayah buruan.
9. Kecualian kepada kesalahan-kesalahan politik.
10. Bila keizinan Menteri perlu.

BAHAGIAN IV

PROSEDUR UNTUK PEMULANGAN  
PENJENAYAH BURUAN

11. Liabiliti penjenayah buruan untuk diberkas dan dipulangkan.
12. Permintaan bagi pemulangan penjenayah buruan.
13. Pengeluaran waran oleh Majistret.
14. Majistret hendaklah melaporkan pengeluaran waran sementara kepada Menteri.
15. Prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 13(1)(a).

## Fasal

16. Prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran sementara.
17. Prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran sementara jika perintah telah diterima oleh Majistret.
18. Kuasa-kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Sesyen.
19. Prosedur di hadapan Mahkamah Sesyen.
20. Prosedur di hadapan Mahkamah Sesyen jika arahan khas telah diberikan di bawah seksyen 4.
21. Pemulangan penjenayah buruan.
22. Penepian presiding pengkomitan oleh penjenayah buruan.
23. Deposisi menjadi keterangan.
24. Pengesahan dokumen-dokumen asing.

## BAHAGIAN V

PEMULANGAN PENJENAYAH BURUAN KE  
BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK SINGAPURA

25. Pemakaian bagi Brunei Darussalam dan Singapura.
26. Pengendorsan waran yang dikeluarkan di Brunei Darussalam atau Singapura.
27. Waran yang dilaksanakan di Brunei Darussalam atau Singapura disifatkan telah dilaksanakan dengan sah di Malaysia.
28. Pemindahan orang ke Brunei Darussalam atau Singapura,

## BAHAGIAN VI

PEMULANGAN PENJENAYAH BURUAN YANG  
JUGA BANDUAN UNTUK MENGHADAPI  
PERBICARAAN

29. Prosedur bagi pemulangan.
30. Penjenayah buruan tidak lagi boleh dikehendaki menjalani hukuman di Malaysia, masa yang dihabiskan dalam jagaan yang berkaitan dengan pengeluaran waran penyerahan sementara.
31. Pengeluaran waran oleh Menteri.

## BAHAGIAN VII

PEMULANGAN ORANG YANG DITUDUH ATAU  
DISABITKAN KE MALAYSIA

32. Kesalahan-kesalahan boleh diekstradisi.
33. Pemindahan orang yang dituduh atau disabitkan yang dipulangkan.
34. Orang yang dituduh atau disabitkan yang dipulangkan ke Malaysia tidak boleh dibicarakan bagi kesalahan yang dahulu atau dipulangkan ke negara lain.
35. Orang yang dipulangkan sementara ke Malaysia.

## BAHAGIAN VIII

## HABEAS CORPUS DAN KAJIAN SEMULA

Fasal

36. Permohonan bagi *habeas corpus*.
37. Kajian semula oleh Mahkamah Tinggi.

## BAHAGIAN IX

## PELBAGAI

38. Negara termasuklah koloni, wilayah tanggungan, protektorat, vesel atau pesawat udara.
39. Liabiliti penjenayah buruan untuk ditangkap dan dipulangkan.
40. Menteri boleh mengarahkan penahanan penjenayah buruan yang dalam perjalanan.
41. Kehadiran bagi pihak Pendakwa Raya.
42. Bidang kuasa terhadap kesalahan yang dilakukan di laut atau udara.
43. Pelepasan penjenayah buruan jika tidak dipulangkan dalam tempoh tiga bulan.
44. Peruntukan-pemntukan dalam Kanun Prosedur Jenayah bila boleh terpakai.
45. Harta yang ditemui pada penjenayah buruan.
46. Borang-borang.
47. Kuasa Menteri untuk melepaskan mana-mana penjenayah buruan dalam jagaan.
48. Rekuisisi-rekuisisi serentak.
49. Budi bicara berkenaan dengan pemulangan penjenayah-penjenayah buruan tertentu.
50. Pengambilan keterangan bagi maksud perkara-perkara jenayah yang belum diputuskan di sesuatu negara.
51. Saksi hendaklah hadir dan memberikan keterangan, dll.
52. Pengambilan keterangan bagi maksud pemulangan penjenayah-penjenayah buruan ke Malaysia.
53. Kaedah-kaedah.

## BAHAGIAN X

## PEMANSUHAN

54. Pemansuhan.

JADUAL.



## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta yang berhubungan dengan ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ekstradisi 1991 dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia. Tajuk ringkas dan pemakaian.

(2) Akta ini atau mana-mana bahagian daripadanya hendaklah terpakai bagi—

- (a) negara-negara yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dikeluarkan oleh Menteri di bawah seksyen 2;
- (b) negara-negara yang berkenaan dengannya suatu arahan khas telah dikeluarkan oleh Menteri di bawah seksyen 3:

Dengan syarat bahawa Bahagian V hendaklah terpakai bagi Brunei Darussalam dan Republik Singapura walaupun tiada perintah di bawah seksyen 2 atau arahan khas di bawah seksyen 3 telah dikeluarkan atau diberikan oleh Menteri.

Perintah  
Menteri.

2. (1) Jika sesuatu perkiraan mengikat telah dibuat di antara Malaysia dengan mana-mana negara bagi ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan, maka Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan di dalam *Warta* yang menyebutkan atau mengandungi terma-terma perkiraan sedemikian, mengarahkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi negara itu tertakluk kepada apa-apa sekatan, kecualian, ubahsuaian, padanan, syarat atau pembatasan yang terkandung di dalam perintah itu.

(2) Jika mana-mana perkiraan yang disebutkan dalam seksyen ini dibatalkan atau luput, maka Menteri hendaklah, melalui perintah yang disiarkan di dalam *Warta*, dengan serta-merta memperakui hakikat itu; dan mana-mana perintah sedemikian hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa perkiraan yang disebutkan di dalamnya telah dibatalkan atau telah luput, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tidak boleh dipersoalkan dalam apa-apa jua presiding undang-undang.

(3) Mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Negara dan Dewan Rakyat dengan seberapa segera yang boleh selepas perintah itu dibuat.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa perkiraan yang disebutkan di dalamnya mematuhi peruntukan-peruntukan Akta ini, dan bahawa Akta ini terpakai dalam hal negara yang tersebut dalam perintah itu, dan keesahan perintah sedemikian tidak boleh dipersoalkan dalam apa-apa jua presiding undang-undang.

Arahan khas  
Menteri  
untuk  
memakai  
Akta ini jika  
tiada perintah  
dibuat di  
bawah  
seksyen 2.

3. Jika sesuatu negara yang berkenaan dengannya tiada perintah dibuat di bawah seksyen 2 membuat suatu permintaan bagi ekstradisi seseorang penjenayah buruan ke negara itu, maka Menteri boleh, jika difikirkannya patut berbuat demikian, memberikan sendiri arahan khas secara bertulis bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi negara itu berhubungan dengan ekstradisi penjenayah buruan yang berkenaan ke negara itu.

4. Jika perkiraan mengikat yang telah dibuat di antara Malaysia dengan mana-mana negara bagi ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan mengandungi peruntukan bagi pengetepian kehendak *prima facie* sama ada secara umum atau berhubungan dengan suatu golongan atau golongan-golongan kesalahan, maka Menteri boleh memberikan arahan secara bertulis bahawa prosedur yang dinyatakan dalam seksyen 20 hendaklah terpakai bagi kes-kes sedemikian.

Arahan Menteri untuk memakai prosedur dalam seksyen 20.

5. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

"kesalahan boleh ekstradisi" ertinya sesuatu kesalahan yang diperihalkan dalam seksyen 32;

"kesalahan ekstradisi" ertinya sesuatu kesalahan yang diperihalkan dalam subseksyen 6(2) atau 6(3);

"Majistret" ertinya Majistret Kelas Pertama atau Hakim Mahkamah Sesyen;

"Menteri" ertinya Menteri Dalam Negeri;

"negara" termasuklah wilayah sesuatu negara yang, walaupun tidak berdaulat dan merdeka, diberikuasa oleh negara itu untuk membuat perkiraan-perkiraan ekstradisi dengan negara-negara lain;

"penjenayah buruan" ertinya mana-mana orang yang dituduh atau disabitkan atas suatu kesalahan ekstradisi yang dilakukan di dalam bidang kuasa negara lain dan yang berada, atau disyaki berada, di suatu bahagian di Malaysia;

"wakil diplomatik" ertinya ketua wakil atau pegawai konsular, seperti yang ditakrifkan dalam Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957;

Ord. 53/57.

"waran penyerahan" ertinya waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 21(2)(b);

"waran penyerahan sementara" ertinya waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 21(2)(a);

"waran sementara" ertinya waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 13(1)(b).

## BAHAGIAN II

### KESALAHAN EKSTRADISI

Kesalahan ekstradisi.

6. (1) Seseorang penjenayah buruan hendaklah dipulangkan hanya bagi suatu kesalahan ekstradisi.

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, kesalahan ekstradisi ialah suatu kesalahan, bagaimanapun diperihalkan, termasuk kesalahan-kesalahan fiskal—

(a) yang boleh dihukum, di bawah undang-undang sesuatu negara yang disebutkan di bawah perenggan 1(2)(a) atau 1(2)(b), dengan hukuman pemenjaraan yang tidak kurang daripada satu tahun atau hukuman mati; dan

(b) yang, jika dilakukan dalam bidang kuasa Malaysia, boleh dihukum di bawah undang-undang Malaysia dengan hukuman pemenjaraan yang tidak kurang daripada satu tahun atau hukuman mati:

Dengan syarat bahawa, dalam hal sesuatu kesalahan luar wilayah, kesalahan itu boleh dihukum sedemikian di bawah undang-undang Malaysia jika ia berlaku dalam hal keadaan yang bersamaan di luar Malaysia.

(3) Sesuatu kesalahan hendaklah juga menjadi suatu kesalahan ekstradisi jika ia terdiri daripada suatu percubaan atau komplot untuk melakukan, atau suatu pensubahatan pelakuan, mana-mana kesalahan yang diperihalkan dalam subseksyen (2).

Undang-undang sesebuah negara.

7. Sesuatu sebutan dalam Akta ini mengenai undang-undang sesuatu negara termasuklah sebutan mengenai sesuatu undang-undang bagi, atau yang berkuatkuasa di dalam, sesuatu bahagian negara itu.

## BAHAGIAN III

PEMULANGAN **PENJENAYAH** BURUAN

8. Seseorang penjenayah buruan tidak boleh diserahkan kepada negara yang cuba mendapatkan pemulangannya—

Sekatan ke atas pemulangan penjenayah buruan.

- (a) jika kesalahan yang berkenaan dengannya pemulangan penjenayah itu cuba didapatkan adalah bersifat politik atau jika dibuktikan olehnya sehingga Mahkamah Sesyen yang ke hadapannya dia dibawa atau Menteri berpuas hati bahawa waran bagi pemulangannya telah dibuat sebenarnya dengan tujuan untuk membicarakan atau menghukumnya atas suatu kesalahan yang bersifat politik;
- (b) jika permohonan bagi penyerahannya, walaupun berupa sebagai dibuat bagi suatu kesalahan ekstradisi, adalah sebenarnya dibuat bagi maksud mendakwa atau menghukum orang itu oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya;
- (c) jika dia mungkin termudarat dalam perbicaraannya atau dihukum atau dipenjarakan oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya;
- (d) jika pendakwaan bagi kesalahan yang berkenaan dengannya pemulangannya itu cuba didapatkan adalah, mengikut undang-undang negara itu, terhalang oleh masa;
- (e) melainkan jika peruntukan dibuat oleh undang-undang negara itu, atau dalam perkiraan ekstradisi dengan negara itu, bahawa seseorang penjenayah buruan yang telah tidak mempunyai peluang yang munasabah untuk meninggalkan negara itu tidak boleh ditahan atau dibicarakan di negara itu atas apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum pemulangannya, kecuali kesalahan ekstradisi yang dibuktikan oleh fakta-fakta yang padanya penyerahannya atau

pemulangannya itu didasarkan atau apa-apa kesalahan yang lebih ringan hukumannya yang dibuktikan oleh fakta-fakta yang menjadi asas pemulangan itu melainkan jika keizinan pihak berkuasa yang berkenaan di negara diminta telah diperolehi; atau

- (f) melainkan jika peruntukan dibuat oleh undang-undang negara itu, atau dalam perkiraan ekstradisi dengan negara itu, bahawa seseorang penjenayah buruan yang telah tidak mempunyai peluang yang munasabah untuk meninggalkan negara itu tidak boleh diekstradisikan ke negara lain bagi perbicaraan atau hukuman atas apa-apa kesalahan yang dikatakan telah dilakukan atau yang dilakukan sebelum pemulangan penjenayah buruan itu ke negara yang mula-mula disebut itu melainkan jika keizinan pihak berkuasa yang berkenaan di negara diminta telah diperolehi.

Kecualian kepada kesalahan-kesalahan politik.

9. (1) Bagi maksud-maksud perenggan 8(a), mana-mana daripada kesalahan yang berikut tidak boleh dikira kesalahan yang bersifat politik berhubungan dengan sesuatu negara yang telah membuat peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam undang-undangnya:

- (a) pembunuhan atau jenayah sengaja yang lain terhadap diri Ketua Negara atau anggota keluarga terdekat Ketua Negara itu;
- (b) sesuatu perbuatan yang, di bawah triti berbilang pihak yang Malaysia dan negara yang cuba mendapatkan pemulangan penjenayah buruan itu menjadi pihak kepadanya, menjadi suatu kesalahan yang kerananya seseorang itu akan diekstradisikan atau didakwa walau apa pun sifat politik atau dorongan perbuatan sedemikian;
- (c) apa-apa percubaan, persubahatan atau komplot untuk melakukan apa-apa kesalahan yang tersebut dahulu.

**10.** (1) Jika seseorang penjenayah buruan telah dipulangkan ke sesuatu negara dan negara berkenaan berniat untuk membicarakannya atas suatu kesalahan ekstradisi yang dilakukan sebelum pemulangannya selain daripada kesalahan yang kerananya dia telah diekstradisikan, atau untuk mengekstradisikannya ke negara lain bagi perbicaraan atau hukuman atas apa-apa kesalahan lain, maka negara itu hendaklah membuat permintaan melalui wakil diplomatiknya bagi mendapatkan keizinan Menteri dan permintaan sedemikian hendaklah disertakan dengan segala maklumat dan dokumen yang relevan dengan permintaan itu.

Bila keizinan Menteri perlu.

(2) Menteri boleh meminta apa-apa maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang diperlukannya supaya dia berpuas hati bahawa permintaan bagi mendapatkan keizinannya di bawah subseksyen (1) itu adalah konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(3) Menteri tidak boleh memberikan keizinannya di bawah subseksyen (1) jika dia mempunyai alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa kesalahan yang berhubungan dengan permintaan bagi mendapatkan keizinan itu telah boleh dipertuduhkan sebelum pemulangan penjenayah buruan itu jika usaha wajar telah dilakukan.

#### BAHAGIAN IV

##### PROSEDUR BAGI PEMULANGAN PENJENAYAH BURUAN

**11.** Jika seseorang penjenayah buruan ditemui di Malaysia, dia boleh diberkas dan dipulangkan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Bahagian ini ke negara yang berkenaan.

Liabiliti penjenayah buruan untuk diberkas dan dipulangkan.

**12.** (1) Sesuatu permintaan oleh mana-mana negara bagi pemulangan seseorang penjenayah buruan yang berada di Malaysia atau disyaki berada di Malaysia hendaklah dibuat kepada Menteri melalui wakil diplomatik negara itu.

Permintaan bagi pemulangan penjenayah buruan.

(2) Maka hendaklah diberikan dengan mana-mana permintaan yang dibuat bagi maksud-maksud subseksyen (1)—

- (a) dalam hal penjenayah buruan yang dituduh atas suatu kesalahan, suatu waran bagi pemberkasannya yang dikeluarkan di negara itu; atau
- (b) dalam hal penjenayah buruan yang bebas dengan menyalahi undang-undang selepas disabitkan atas sesuatu kesalahan, suatu perakuan sabitan itu dan hukuman di negara itu dan pernyataan tentang banyaknya jika ada, hukuman itu yang telah dijalani,

berserta dengan, dalam setiap hal, butir-butir penjenayah buruan yang pemulangannya diminta dan fakta-fakta yang berdasarkannya dan undang-undang yang di bawahnya dia dituduh atau disabitkan, dan keterangan yang cukup untuk mewajarkan pengeluaran waran bagi pemberkasannya di bawah seksyen 13.

(3) Apabila diterima permintaan sedemikian, Menteri boleh, melalui perintah di bawah tandatangan dan meterainya, memaklumkan Majistret bahawa permintaan sedemikian telah dibuat dan memberikuasa Majistret itu mengeluarkan waran bagi pemberkasan penjenayah buruan itu.

(4) Jika Menteri berpendapat bahawa kesalahan yang berhubungan dengan waran itu ialah kesalahan yang bersifat politik, maka dia boleh, jika difikirkannya patut, enggan membuat apa-apa perintah sedemikian, dan boleh juga pada bila-bila masa memerintahkan supaya seseorang penjenayah buruan yang disabitkan atas kesalahan sedemikian dilepaskan daripada jagaan.

Pengeluaran  
waran oleh  
Majistret.

**13.** (1) Jika seseorang penjenayah buruan berada di Malaysia atau disyaki sedang berada di Malaysia atau dalam perjalanan ke Malaysia, maka Majistret—

- (a) hendaklah, apabila diterima sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 12(3), mengeluarkan suatu waran bagi pemberkasan penjenayah buruan itu; atau

- (b) boleh, jika tiada perintah telah dibuat di bawah subseksyen 12(3), mengeluarkan suatu waran sementara bagi pemberkasan penjenayah buruan itu berdasarkan maklumat dan keterangan dan di bawah hal keadaan yang akan, pada pendapatnya, mewajarkan pengeluaran waran jika kesalahan itu telah dilakukan atau penjenayah buruan itu telah disabitkan di Malaysia.

(2) Bagi maksud-maksud perenggan (1)(b), maklumat yang terkandung di dalam sesuatu notis antarabangsa yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL) berkenaan dengan seseorang penjenayah buruan boleh dipertimbangkan oleh Majistret dalam memutuskan sama ada suatu waran sementara patut dikeluarkan bagi pemberkasan seseorang penjenayah buruan.

**14.** (1) Majistret yang mengeluarkan sesuatu waran sementara hendaklah dengan serta-merta menghantar suatu laporan tentang pengeluaran waran itu berserta dengan maklumat atau keterangan atau salinan terperakunya kepada Menteri.

Majistret hendaklah melaporkan pengeluaran waran sementara kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, jika difikirkannya patut, memerintahkan supaya waran itu dikensel dan orang yang telah diberkas berdasarkan waran itu dilepaskan.

**15.** Seseorang penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 13(1)(a) hendaklah dibawa ke hadapan mana-mana Majistret yang hendaklah memerintahkan—

Prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 13 (1) (a).

- (a) supaya kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen; dan
- (b) supaya penjenayah buruan itu ditahan dalam jagaan sebelum dia dibawa nadir di hadapan Mahkamah Sesyen.

Prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran sementara.

16. (1) Seseorang penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan suatu waran sementara hendaklah dibawa ke hadapan mana-mana Majistret yang hendaklah, jika Menteri tidak menerima apa-apa permintaan bagi pemulangan penjenayah buruan itu, memerintahkan supaya penjenayah buruan itu ditahan dalam jagaan selama tempoh masa yang munasabah yang ditetapkan olehnya setelah mengambil kira hal keadaan kes itu, dan, bagi maksud ini, Majistret hendaklah mengambil kira apa-apa tempoh dalam perkiraan ekstradisi yang relevan yang berhubungan dengan tempoh penahanan yang dibenarkan apabila penjenayah buruan ditangkap sementara.

(2) Apabila diterima perintah Menteri yang memaklumkan bahawa suatu permintaan telah dibuat bagi pemulangan penjenayah buruan itu, Majistret hendaklah memerintahkan—

- (a) supaya kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen; dan
- (b) supaya penahanannya di bawah subseksyen (1) dilanjutkan sehingga dia dibawa hadir di hadapan Mahkamah Sesyen.

(3) Majistret hendaklah, jika dia tidak menerima suatu perintah daripada Menteri dalam tempoh masa yang ditetapkannya di bawah subseksyen (1) yang memaklumkan bahawa suatu permintaan telah dibuat bagi pemulangan penjenayah buruan itu, memerintahkan supaya penjenayah buruan itu dilepaskan.

Prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran sementara jika perintah telah diterima oleh Majistret.

17. Jika, pada masa penjenayah buruan yang diberkas berdasarkan waran sementara dibawa ke hadapan mana-mana Majistret, Majistret itu telah menerima suatu perintah Menteri yang memaklumkan bahawa suatu permintaan telah dibuat bagi pemulangan penjenayah buruan itu, maka Majistret itu hendaklah memerintahkan—

- (a) supaya kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen; dan

- (b) supaya penjenayah buruan itu ditahan dalam jagaan sehingga dia dibawa hadir di hadapan Mahkamah Sesyen.

18. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan bidang kuasa untuk menyiasat sesuatu perkara ekstradisi yang dibawa ke hadapannya mengikut prosedur yang dinyatakan di bawah Akta ini.

Kuasa-kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Sesyen.

19. (1) Jika penjenayah buruan dibawa ke hadapan Mahkamah Sesyen, maka Mahkamah Sesyen hendaklah menerima apa-apa keterangan yang dikemukakan oleh atau bagi pihak penjenayah buruan itu untuk menunjukkan—

Prosedur di hadapan Mahkamah Sesyen.

- (a) bahawa dia tidak melakukan atau meninggalkan daripada melakukan perbuatan yang dikatakan telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya;
- (b) bahawa dia bukanlah orang yang terhadapnya waran telah dikeluarkan di negara yang cuba mendapatkan pemulangnya;
- (c) bahawa perbuatan atau peninggalan yang dikatakan itu bukanlah suatu kesalahan ekstradisi berhubungan dengan negara yang cuba mendapatkan pemulangnya;
- (d) bahawa kesalahan itu bersifat politik, atau bahawa presiding itu diambil dengan tujuan untuk membicarakannya atau menghukumnya atas suatu kesalahan yang bersifat politik;
- (e) bahawa kesalahan itu ialah suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera yang bukanlah suatu kesalahan juga di bawah undang-undang jenayah am;
- (f) bahawa perbuatan atau peninggalan yang dikatakan itu tidak menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang Malaysia;
- (g) bahawa pemulangnya tidak akan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta ini;

- (h) bahawa dia telah, sebelum ini, disabitkan atau dibebaskan atau diampunkan oleh suatu tribunal atau pihak berkuasa yang kompeten di negara yang cuba mendapatkan pemulangnya atau di Malaysia berkenaan dengan perbuatan atau peninggalan yang dikatakan itu; atau
- (i) bahawa permintaan bagi penyerahannya telah dibuat bagi maksud mendakwa atau menghukumnya kerana rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya, atau bahawa dia mungkin termudarat dalam perbicaraannya atau dihukum atau dipenjarakan oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghadkan kuasa Mahkamah Sesyen untuk menerima apa-apa keterangan lain yang boleh dikemukakan untuk menunjukkan bahawa penjenayah buruan itu tidak sepatutnya dipulangkan.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(d), Mahkamah Sesyen boleh menerima keterangan yang pada pendapatnya boleh membantu Mahkamah itu dalam menentukan kebenaran, sama ada atau tidak keterangan itu boleh diterima secara sah selainnya di mahkamah.

(4) Jika Mahkamah Sesyen berpendapat bahawa kes *prima facie* tidak dibuktikan bagi menyokong permintaan negara berkenaan, maka Mahkamah hendaklah melepaskan penjenayah buruan itu.

(5) Jika Mahkamah Sesyen berpendapat bahawa kes *prima facie* telah dibuktikan bagi menyokong rekuisisi negara berkenaan, maka Mahkamah itu hendaklah mengkomitkan penjenayah buruan itu ke penjara untuk menunggu perintah Menteri bagi penyerahannya, dan hendaklah melaporkan keputusan siasatannya kepada Menteri; dan hendaklah mengemukakan bersama laporan itu apa-apa pernyataan bertulis yang penjenayah buruan itu berhasrat untuk mengemukakannya bagi pertimbangan Menteri.

**20. (1)** Jika sesuatu arahan telah diberikan oleh Menteri di bawah seksyen 4, maka Mahkamah Sesyen hendaklah—

Prosedur di hadapan Mahkamah Sesyen jika arahan khas telah diberikan di bawah seksyen 4.

- (a) setelah mendengar apa-apa representasi yang dibuat bagi menyokong permintaan ekstradisi itu;
- (b) apabila dikemukakan dokumen-dokumen sokongan berhubungan dengan kesalahan itu;
- (c) apabila berpuas hati bahawa perbuatan atau peninggalan yang dikatakan dilakukan oleh penjenayah buruan itu akan, sekiranya telah berlaku di Malaysia, menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang Malaysia;
- (d) jika penjenayah buruan itu tidak memuaskan hati Mahkamah bahawa terdapat alasan-alasan substansial bagi mempercayai bahawa—
  - (i) kesalahan itu ialah kesalahan yang bersifat politik atau bahawa prosiding itu telah diambil dengan tujuan mem-bicarakan atau menghukumnya atas kesalahan yang bersifat politik;
  - (ii) pendakwaan bagi kesalahan yang ber-kenaan dengannya pemulangnya cuba didapatkan adalah terhalang oleh masa di negara yang cuba mendapatkan pemulangnya itu;
  - (iii) kesalahan itu ialah suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera yang bukanlah suatu kesalahan juga di bawah undang-undang jenayah am;
  - (iv) penjenayah buruan itu telah dibebaskan atau diampunkan oleh suatu tribunal atau pihak berkuasa yang kompeten di negara yang cuba mendapatkan pemulangnya atau di Malaysia;
  - (v) penjenayah buruan itu telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang negara yang cuba mendapatkan pemulangnya atau

undang-undang Malaysia yang berkenaan dengan kesalahan ekstradisi itu atau mana-mana kesalahan lain yang terdiri daripada perbuatan yang sama dengan yang menjadi kesalahan ekstradisi itu;

- (e) apabila berpuas hati bahawa penjenayah buruan itu tidak dituduh atas sesuatu kesalahan, dan tidak juga sedang menjalani sesuatu hukuman berkenaan dengan sesuatu kesalahan, di Malaysia, selain daripada kesalahan ekstradisi yang berkenaan dengannya pemulangannya cuba didapatkan,

mengkomitkan penjenayah buruan itu ke penjara untuk menunggu perintah Menteri bagi penyerahannya.

(2) Dalam prosiding di hadapan Mahkamah Sesyen di bawah subseksyen (1) penjenayah buruan itu tidak berhak untuk mengemukakan, dan Mahkamah tidak berhak untuk menerima, keterangan untuk menyangkal pengataan bahawa penjenayah buruan itu telah melakukan atau meninggalkan daripada melakukan perbuatan yang menjadi kesalahan ekstradisi yang baginya pemulangannya cuba didapatkan.

(3) Dalam seksyen ini, "dokumen-dokumen sokongan" ertinya—

- (a) apa-apa waran yang disahkan dengan sewajarnya bagi penangkapan penjenayah buruan itu yang dikeluarkan oleh negara yang cuba mendapatkan pemulangannya, atau apa-apa salinan yang disahkan dengan sewajarnya bagi waran itu;
- (b) apa-apa dokumen yang disahkan dengan sewajarnya untuk memberikan keterangan tentang sabitan atau hukuman penjenayah buruan itu atau setakat manakah hukuman yang dikenakan itu belum dijalankan;
- (c) suatu pernyataan secara bertulis yang menyatakan perihalan tentang, dan penalti yang

terpakai berkenaan dengan, kesalahan itu dan suatu pernyataan secara bertulis yang disahkan dengan sewajarnya yang menyatakan kelakuan yang menjadi kesalahan itu.

**21.** (1) Jika Mahkamah Sesyen mengkomitkan penjenayah buruan itu ke penjara menurut seksyen 19 atau 20, maka Mahkamah hendaklah memberitahu penjenayah buruan itu bahawa dia tidak akan diserahkan sehingga habis tempoh, yang tidak kurang daripada lima belas hari, yang boleh ditetapkan oleh Menteri dan bahawa dia mempunyai hak untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan suatu writ *habeas corpus*,

Pemulangan penjenayah buruan.

(2) Apabila habis tempoh yang disebutkan dalam subseksyen (1) atau, jika permohonan bagi mendapatkan writ *habeas corpus* telah dibuat kepada Mahkamah Tinggi oleh penjenayah buruan itu, apabila permohonan sedemikian diputuskan dengan muktamad oleh Mahkamah Tinggi atau selepas apa-apa tempoh yang lebih lanjut yang boleh dibenarkan oleh Menteri dalam salah satu hal itu, Menteri hendaklah—

- (a) dalam hal sesuatu permintaan yang dibuat di bawah seksyen 29, mengeluarkan suatu waran penyerahan sementara di bawah tandatangan dan meterainya; atau
- (b) dalam hal sesuatu permintaan yang dibuat di bawah seksyen 12, mengeluarkan suatu waran penyerahan di bawah tandatangan dan meterainya,

bagi memerintahkan penjenayah buruan itu diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya diberikuasa dengan sewajarnya untuk menerima penjenayah buruan itu oleh negara yang membuat permintaan bagi pemulangan penjenayah buruan itu, dan penjenayah itu hendaklah dipulangkan dengan sewajarnya.

(3) Adalah sah bagi mana-mana orang yang kepadanya waran sedemikian diarahkan dan bagi orang yang telah diberikuasa seperti yang tersebut di atas

menerima, menahan di dalam jagaan dan membawa, dalam bidang kuasa negara yang telah membuat permintaan bagi pemulangnya, penjenayah buruan itu dan jika penjenayah buruan itu lepas lari dari mana-mana jagaan yang kepadanya dia boleh diserahkan menurut waran sedemikian, adalah sah menahannya semula mengikut cara yang sama seperti mana-mana orang yang dituduh melakukan apa-apa jenayah terhadap undang-undang Malaysia boleh ditahan semula apabila lepas lari.

Penepian  
prosiding  
pengkomitan  
oleh  
penjenayah  
buruan.

**22.** (1) Apabila penjenayah buruan dibawa ke hadapan Mahkamah Sesyen, dia boleh memberitahu Mahkamah itu bahawa dia bersetuju untuk menepikan prosiding pengkomitan di Mahkamah itu dan Mahkamah itu hendaklah—

- (a) memastikan sama ada persetujuan itu diberikan secara sukarela;
- (b) apabila berpuas hati bahawa persetujuan itu diberikan secara sukarela, menasihati penjenayah buruan itu bahawa akibat daripada persetujuan sedemikian ialah—
  - (i) dia akan dikomitkan ke penjara,
  - (ii) dia tidak berhak untuk memohon di bawah seksyen 36 bagi mendapatkan writ *habeas corpus* untuk mengkaji semula keesahan keputusan untuk mengkomitkannya ke penjara;
  - (iii) apabila dia dipulangkan ke negara yang membuat permintaan bagi pemulangnya, dia akan dibicarakan atas kesalahan ekstradisi yang berkenaan dengannya ekstradisinya telah diminta atau dia boleh dibicarakan atas apa-apa kesalahan yang lebih ringan hukumannya yang dibuktikan oleh fakta-fakta yang menjadi asas kesalahan ekstradisi itu;
  - (iv) apabila dia dipulangkan ke negara itu, dia boleh juga dibicarakan bagi apa-apa kesalahan ekstradisi lain yang berkenaan dengannya Menteri memberikan keizinan di bawah seksyen 10.

(2) Jika, selepas penjenayah buruan itu telah dinasihati mengikut perenggan (1)(b), penjenayah buruan itu sekali lagi bersetuju terhadap penepian itu, maka Mahkamah hendaklah mengkomitkan penjenayah buruan itu ke penjara untuk menunggu waran Menteri di bawah subseksyen (3).

(3) Menteri boleh, pada bila-bila masa selepas penjenayah buruan itu dikomitkan ke penjara, mengeluarkan—

(a) suatu waran penyerahan sementara; atau

(b) suatu waran penyerahan,

mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi pemulangan penjenayah buruan itu ke negara yang berkenaan.

(4) Peruntukan-peruntukan seksyen 36 tidak terpakai bagi seseorang penjenayah buruan yang dikomitkan ke penjara di bawah seksyen ini.

23. Deposisi-deposisi atau pernyataan-pernyataan bersumpah yang diambil di mana-mana negara dan salinan-salinan deposisi atau pernyataan asal sedemikian, dan perakuan-perakuan asing tentang atau dokumen-dokumen kehakiman asing yang menyatakan hakikat sesuatu sabitan boleh, jika disahkan dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam prosiding-prosiding di bawah Akta ini.

Depositi  
menjadi  
keterangan.

24. Waran-waran dan deposisi-deposisi atau pernyataan-pernyataan bersumpah asing dan salinan-salinannya, dan perakuan-perakuan asing tentang atau dokumen-dokumen kehakiman asing yang menyatakan hakikat sesuatu sabitan, hendaklah disifatkan telah disahkan dengan sewajarnya bagi maksud-maksud Akta ini jika disahkan menurut cara yang diperuntukkan sekarang ini melalui undang-undang atau disahkan sebagaimana yang berikut:

Pengesahan  
dokumen-  
dokumen  
asing.

(a) jika waran itu berupa sebagai ditandatangani oleh seorang Hakim, Majistret atau pegawai negara tempat waran itu telah dikeluarkan;

- (b) jika deposisi atau pernyataan itu atau salinan-salinannya berupa sebagai telah diperakui di bawah tandatangan seorang Hakim, Majistret atau pegawai negara tempat deposisi atau pernyataan atau salinan itu dikira sebagai deposisi atau pernyataan asal, atau sebagai salinan-salinan sah deposisi atau pernyataan itu, mengikut kehendak hal itu;
- (c) jika perakuan tentang atau dokumen kehakiman yang menyatakan hakikat sabitan itu berupa sebagai telah diperakui oleh seorang Hakim, Majistret atau pegawai negara tempat sabitan itu telah berlaku;

dan jika dalam tiap-tiap hal waran, deposisi, pernyataan, salinan, perakuan dan dokumen kehakiman itu (mengikut mana-mana yang berkenaan) disahkan melalui sumpah saksi atau dimeterai dengan meterai rasmi Menteri Kehakiman atau seorang Menteri Negara yang lain; dan semua mahkamah di Malaysia hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman kepada meterai rasmi itu dan hendaklah membenarkan dokumen-dokumen yang disahkan olehnya diterima sebagai keterangan tanpa bukti yang lebih lanjut lagi.

## BAHAGIAN V

### PEMULANGAN PENJENYAH BURUAN KE BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK SINGAPURA

Pemakaian  
bagi Brunei  
Darussalam  
dan  
Singapura.

25. (1) Bahagian ini terpakai berhubungan dengan Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

(2) Dalam Bahagian ini, "kesalahan" ertinya kesalahan boleh tangkap atau kesalahan yang boleh dihukum, apabila disabitkan, dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh yang melebihi enam bulan di bawah undang-undang Brunei Darussalam atau Republik Singapura.

Pengendorsan  
waran yang  
dikeluarkan  
di Brunei  
Darussalam  
atau  
Singapura.

26. Jika, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Brunei Darussalam atau Republik Singapura, suatu pihak berkuasa kehakiman telah mengeluarkan waran yang memberikuasa penangkapan seseorang yang dituduh atau disabitkan

atas suatu kesalahan dan orang itu berada atau dipercayai berada di Malaysia, seseorang Majistret di Malaysia boleh, jika dia berpuas hati bahawa waran itu telah dikeluarkan dengan sewajarnya di Brunei Darussalam atau Republik Singapura, mengendorskan waran itu, dan waran itu kemudiannya boleh dilaksanakan ke atas orang itu seolah-olah ia waran yang dikeluarkan dengan sah di Malaysia di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah.

*NM.B.Bab6*

27. Jika, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Brunei Darussalam atau Republik Singapura yang bersamaan dengan seksyen 26, suatu waran yang dikeluarkan oleh seorang Majistret atau suatu Mahkamah Majistret di Malaysia telah diendorskan oleh seorang Majistret di Brunei Darussalam atau Republik Singapura dan dilaksanakan ke atas orang yang dinamakan dalam waran itu, waran itu hendaklah bagi maksud-maksud Akta ini disifatkan telah dilaksanakan dengan sah seolah-olah pelaksanaan itu telah dilakukan di Malaysia.

Waran yang dilaksanakan di Brunei Darussalam atau Republik Singapura disifatkan telah dilaksanakan dengan sah di Malaysia.

28. Jika sesuatu waran telah disempurnakan di Malaysia menurut seksyen 26, maka orang yang ditangkap itu hendaklah dikemukakan dengan seberapa segera yang mungkin ke hadapan seorang Majistret di Malaysia, yang hendaklah, jika berpuas hati bahawa orang itu ialah orang yang dinyatakan dalam waran, mengarahkan supaya orang yang ditangkap itu diserahkan dengan serta-merta dalam jagaan kepada mahkamah yang berkenaan di Brunei Darussalam atau Republik Singapura; dan mana-mana orang sedemikian hendaklah, ketika dalam jagaan itu, disifatkan bagi segala maksud berada dalam jagaan yang sah:

Pemindahan orang ke Brunei Darussalam atau Singapura.

Dengan syarat bahawa Majistret itu boleh, jika atas sebab-sebab yang hendaklah direkodkan olehnya dia berpuas hati bahawa adalah bagi kepentingan keadilan dia berbuat demikian, dan jika kes itu ialah kes yang boleh diberikan jaminan dengan sah, melepaskan orang yang ditangkap itu atas jaminan dengan syarat orang itu hadir di hadapan mahkamah yang berkenaan di Brunei Darussalam atau Republik Singapura pada masa yang hendaklah dinyatakan di dalam bon dan bon jaminan.

## BAHAGIAN VI

PEMULANGAN PENJENAYAH BURUAN YANG JUGA  
BANDUAN UNTUK MENGHADAPI PERBICARAAN

Prosedur bagi  
pemulangan.

**29.** (1) Sesuatu permintaan daripada mana-mana negara bagi pemulangan seseorang penjenayah buruan yang sedang menjalani hukuman atau hukuman-hukuman pemenjaraan berkenaan dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan-kesalahan terhadap undang-undang Malaysia, bagi maksud menjalankan perbicaraan terhadapnya, hendaklah dibuat kepada Menteri melalui wakil diplomatik negara yang berkenaan.

(2) Maka hendaklah diberikan dengan apa-apa permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) butir-butir tentang penjenayah buruan yang pemulangannya diminta dan fakta-fakta yang berdasarkannya dan undang-undang yang di bawahnya dia dituduh serta juga akunjaji-akujanji yang mencukupi yang bermaksud bahawa—

- (a) penjenayah buruan itu hendaklah dipulangkan ke Malaysia sebaik sahaja tamat perbicaraannya di negara yang berkenaan; dan
- (b) negara yang berkenaan hendaklah—
  - (i) bertanggungjawab atas jagaan penjenayah buruan itu semasa dalam perjalanan ke dan dari, dan semasa di dalam, negara yang berkenaan; dan
  - (ii) mengambil segala langkah yang sesuai dan perlu untuk memastikan dia selamat pulang ke Malaysia.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri boleh menghendaki negara yang berkenaan memberikan apa-apa akujanji lain yang dinyatakannya.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis, Menteri, apabila berpuas hati bahawa kehendak-kehendak subseksyen (2) telah dipenuhi, boleh, melalui perintah di bawah tandatangan dan meterainya, membenarkan penjenayah buruan itu dikeluarkan dari tempat pemenjaraannya dan dibawa ke hadapan Mahkamah Sesyen bagi siasatan di bawah seksyen 19.

30. (1) Jika, semasa penjenayah buruan berada di sesuatu negara menurut waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 21(2)(a), dia tidak lagi boleh dikehendaki menjalani hukuman atau hukuman-hukuman pemenjaraan di Malaysia, Menteri hendaklah memberitahu negara itu bahawa akujanji-akujanji yang disebutkan dalam perenggan 29(2)(a) dan (b) tidak lagi perlu dipatuhi.

Penjenayah buruan tidak lagi boleh dikehendaki menjalani hukuman di Malaysia, masa yang dihabiskan dalam jagaan berkaitan dengan pengeluaran waran penyerahan sementara.

(2) Apa-apa masa yang dihabiskan oleh penjenayah buruan di dalam jagaan berkaitan dengan waran yang dikeluarkan di bawah perenggan 21(2)(a) (termasuklah masa yang dihabiskan dalam jagaan di luar Malaysia) hendaklah dikira sebagai masa yang dihabiskan bagi menjalani hukuman atau hukuman-hukuman pemenjaraan yang disebutkan dalam subseksyen 29(1).

**31. Jika—**

- (a) seseorang penjenayah buruan dipulangkan ke sesuatu negara di bawah suatu waran penyerahan sementara dan selepas itu dipulangkan ke Malaysia menurut akujanji-akujanji yang disebutkan dalam subseksyen 29(2); dan
- (b) negara yang berkenaan masih mahu akan pemulangan penjenayah buruan itu selepas dia telah menjalani hukumannya di Malaysia,

Pengeluaran waran oleh Menteri.

Menteri boleh, mengikut budi bicaranya, mengeluarkan suatu waran penyerahan bagi pemulangan penjenayah buruan itu ke negara itu.

## BAHAGIAN VII

### PEMULANGAN ORANG YANG DITUDUH ATAU YANG DISABITKAN KE MALAYSIA

32. Dalam Bahagian ini, kesalahan boleh ekstradisi ialah kesalahan yang tidak kira bagaimana jua diperihalkan, termasuklah kesalahan-kesalahan fiskal, boleh dihukum di bawah undang-undang Malaysia dengan hukuman pemenjaraan yang tidak kurang daripada satu tahun atau hukuman mati.

Kesalahan-kesalahan boleh ekstradisi.

Pemindahan  
Drang yang  
dituduh atau  
disabitkan  
yang  
dipulangkan.

33. Mana-mana orang yang dituduh atau disabitkan atas sesuatu kesalahan boleh ekstradisi yang dipulangkan oleh sesuatu negara boleh, di bawah waran tangkap bagi pemulangannya yang dikeluarkan di negara itu, dibawa masuk ke Malaysia dan diserahkan kepada pihak berkuasa yang sepatutnya untuk diperlakukan mengikut undang-undang.

Orang yang  
dituduh atau  
disabitkan  
yang  
dipulangkan  
ke Malaysia  
tidak boleh  
dibicarakan  
lagi  
kesalahan  
yang dahulu  
itu  
dipulangkan  
ke negara  
lain.

34. Bilamana mana-mana orang yang dituduh atau disabitkan atas sesuatu kesalahan boleh ekstradisi dipulangkan oleh sesuatu negara, orang itu tidak boleh, melainkan jika dia telah meninggalkan atau telah berpeluang meninggalkan Malaysia—

- (a) ditahan atau dibicarakan di Malaysia atas apa-apa kesalahan yang dikatakan telah dilakukan, atau yang telah dilakukan, sebelum pemulangan orang itu, selain daripada—
- (i) kesalahan boleh ekstradisi yang berkenaan dengannya dia dipulangkan;
  - (ii) mana-mana kesalahan yang lebih ringan hukumannya yang dibuktikan oleh fakta-fakta yang menjadi asas bagi pemulangan itu; atau
  - (iii) mana-mana kesalahan boleh ekstradisi lain yang berkenaan dengannya negara yang berkenaan mengizinkan orang itu ditahan atau dibicarakan sedemikian, jika keizinan itu dikehendaki oleh negara itu;

mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

- (b) diekstradisikan oleh Malaysia ke negara lain bagi perbincangan atau hukuman atas apa-apa kesalahan ekstradisi yang dikatakan telah dilakukan, atau yang telah dilakukan, sebelum pemulangan orang itu ke Malaysia melainkan, jika dikehendaki sedemikian oleh negara yang memulangkan orang itu ke Malaysia, jika persetujuan negara itu telah diperolehi.

35. (1) Jika seseorang yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan yang berkenaan dengan sesuatu kesalahan di mana-mana negara dipulangkan oleh negara itu ke Malaysia, orang itu—

Orang yang dipulangkan sementara ke Malaysia.

- (a) hendaklah, semasa dalam perjalanan ke atau dari, dan semasa di Malaysia, diletakkan dalam jagaan seperti yang diarahkan oleh Menteri secara bertulis dan Menteri boleh membuat perintah sedemikian walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis yang memperuntukkan sebaliknya; dan
- (b) tidak boleh dibicarakan di Malaysia berkenaan dengan apa-apa kesalahan selain daripada kesalahan yang dibuktikan oleh fakta-fakta yang menjadi asas pemulangan itu atau apa-apa kesalahan yang lebih ringan hukumannya yang dibuktikan oleh fakta-fakta yang menjadi asas pemulangan, atau, dengan keizinan negara yang memulangkannya, apa-apa kesalahan boleh ekstradisi lain.

(2) Jika—

- (a) seseorang ditahan dalam jagaan mengikut perintah Menteri di bawah perenggan (1)(a); dan
- (b) negara yang memulangkan orang itu memberitahu Malaysia bahawa orang itu telah menjalani hukuman pemenjaraan di negara itu dan tidak lagi dikehendaki untuk dipulangkan,

maka Menteri hendaklah membatalkan perintah sedemikian.

## BAHAGIAN VIII

### HABEAS CORPUS DAN KAJIAN SEMULA

36. Seseorang penjenayah buruan yang dikomitkan ke penjara di bawah Akta ini boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan suatu writ *habeas corpus* mengikut prosedur seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Prosedur Jenayah.

Permohonan bagi habeas corpus.

Kajian  
semula oleh  
Mahkamah  
Tinggi.

37. (1) Jika seseorang penjenayah buruan diperintahkan oleh Mahkamah Sesyen supaya dilepaskan di bawah subseksyen 19(4), Pendakwa Raya boleh, atas permintaan negara yang cuba mendapatkan pemulangnya, dalam masa sepuluh hari dari tarikh pembuatan perintah itu oleh Mahkamah Sesyen, memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan kajian semula perintah pelepasan itu mengenai apa-apa soal undang-undang, dan atas permohonan itu Mahkamah Tinggi boleh mengkaji semula perintah itu.

(2) Jika Pendakwa Raya berhasrat untuk membuat permohonan sedemikian, dia hendaklah, pada masa perintah pelepasan itu dibuat oleh Mahkamah Sesyen, memberi Mahkamah itu notis tentang niatnya hendak memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan kajian semula perintah itu, dan notis itu hendaklah berkuatkuasa sebagai penggantungan perintah pelepasan oleh Mahkamah Sesyen—

- (a) sehingga habis tempoh sepuluh hari, bermula dari hari perintah pelepasan itu dibuat; atau
- (b) jika permohonan bagi kajian semula perintah pelepasan itu dibuat, sehingga permohonan itu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

(3) Jika Pendakwa Raya memberikan notis tentang niatnya untuk memohon kajian semula perintah Mahkamah Sesyen itu, Mahkamah itu boleh membenarkan, kepada penjenayah buruan yang berkenaan dengannya perintah pelepasan itu dibuat, jaminan sementara menanti pemutusan permohonan itu oleh Mahkamah Tinggi.

(4) Apabila permohonan bagi mendapatkan kajian semula perintah pelepasan itu dibuat, Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah menghantar kepada Mahkamah Tinggi barang-barang kes yang dikemukakan di hadapannya, keterangan yang diterima di Mahkamah, sebab-sebab bagi keputusannya dan pendapatnya mengenai apa-apa soal undang-undang yang timbul semasa siasatan.

---

(5) Mahkamah Tinggi yang kepadanya sesuatu permohonan dibuat bagi mendapatkan kajian semula terhadap sesuatu perintah pelepasan boleh memerintahkan supaya penjenayah buruan itu dilepaskan dengan jaminan atas terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah sementara menanti pemutusan permohonan bagi mendapatkan kajian semula itu.

(6) Mahkamah Tinggi boleh mengesahkan, mengubah atau membatalkan perintah itu atau membuat suatu perintah baru bagi menggantikan perintah yang telah dibatalkan itu, dan apa-apa perintah Mahkamah Tinggi yang sedemikian adalah muktamad dan konklusif.

## BAHAGIAN IX PELBAGAI

38. Bagi maksud-maksud Akta ini, tiap-tiap bahagian jujuk sesuatu negara dan tiap-tiap koloni, wilayah tanggungan dan protektorat, dan tiap-tiap vesel atau pesawat udara, negara itu hendaklah disifatkan di dalam bidang kuasa dan menjadi sebahagian daripada negara itu.
39. Setiap penjenayah buruan hendaklah, tertakluk peruntukan-peruntukan Akta ini, boleh ditangkap dan dipulangkan, sama ada kesalahan yang berkenaan dengannya pemulangan itu cuba didapatkan dilakukan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini, dan sama ada atau tidak Mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan itu.
40. Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis, Menteri boleh secara bertulis mengarahkan supaya seseorang penjenayah buruan yang berada di Malaysia dalam perjalanan ke negara yang meminta pemulangannya ditahan dalam jagaan selama tempoh masa atau di tempat yang ditentukan oleh Menteri.

Negara termasuklah koloni, wilayah tanggungan, protektorat, vesel atau pesawat udara.

Liabiliti penjenayah buruan untuk ditangkap dan dipulangkan.

Menteri boleh mengarahkan penahanan penjenayah buruan yang dalam perjalanan.

Kehadiran  
bagi pihak  
Pendakwa  
Raya.

**41.** (1) Mana-mana peguam, peguambela dan peguamcara atau pegawai undang-undang di dalam perkhidmatan kerajaan mana-mana negara boleh, dengan kebenaran bertulis dari Pendakwa Raya, hadir bagi pihak Pendakwa Raya dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

(2) Jika Pendakwa Raya telah mengeluarkan kebenaran bertulis di bawah subseksyen (1), maka peruntukan-peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai penerimaan masuk peguambela dan peguamcara dan hak penguambela dan peguamcara untuk hadir di semua mahkamah keadilan di Malaysia tidaklah terpakai bagi orang yang dinamakan dalam kebenaran itu.

(3) Orang yang dinamakan dalam kebenaran bertulis itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang boleh dikeluarkan oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya.

(4) Kuasa yang diberikan kepada Pendakwa Raya untuk mengeluarkan sesuatu kebenaran bertulis di bawah subseksyen (1) adalah termasuk kuasa untuk membatalkan, mengkensel atau menggantung kebenaran bertulis itu.

Bidang kuasa  
terhadap  
kesalahan  
yang  
dilakukan di  
laut atau  
udara.

**42.** Jika kesalahan yang berkenaan dengannya pemulangan seseorang penjenayah buruan itu cuba didapatkan telah dilakukan di atas mana-mana vesel di laut lepas atau mana-mana pesawat udara semasa di udara di luar Malaysia yang masuk ke mana-mana pelabuhan atau padang terbang di Malaysia, Menteri dan mana-mana Majistret yang mempunyai bidang kuasa di pelabuhan atau padang terbang itu boleh menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta ini.

Pelepasan  
penjenayah  
buruan jika  
tidak  
dipulangkan  
dalam tempoh  
tiga bulan.

**43.** Jika seseorang penjenayah buruan yang, menurut Akta ini, telah dikomitkan ke penjara untuk menunggu pemulangannya ke mana-mana negara tidak dibawa keluar dari Malaysia dalam masa tiga bulan selepas pengkomitan itu, atau jika sesuatu permohonan bagi

mendapatkan writ *habeas corpus* atau bagi mendapatkan kajian semula telah dibuat kepada Mahkamah Tinggi, selepas putusan muktamad permohonan itu oleh Mahkamah tersebut, adalah sah bagi Menteri, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh atau bagi pihak penjenayah buruan itu, memerintahkan penjenayah buruan itu dilepaskan melainkan jika ditunjukkan sebab yang mencukupi yang sebaliknya.

**44.** Peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah yang berhubungan dengan perkara-perkara yang tidak diliputi oleh Akta ini hendaklah terpakai sejauh mana ia konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, dan sekiranya ada apa-apa ketakkonsistenan di antara peruntukan-peruntukan Akta ini dengan Kanun Prosedur Jenayah peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi.

Peruntukan-peruntukan dalam Kanun Prosedur Jenayah bila terpakai.

**45.** (1) Segala-gala yang ditemui dalam milikan seseorang penjenayah buruan pada masa dia ditangkap yang mungkin perlu sebagai keterangan dalam membuktikan kesalahan ekstradisi itu boleh diserahkan bersama dengan penjenayah buruan itu semasa pemulangannya, tertakluk kepada—

Harta yang ditemui pada penjenayah buruan.

- (a) sesuatu penangguhan penyerahan barang-barang itu jika ia diperlukan sebagai keterangan di Malaysia;
- (b) sesuatu akujanji bagi pemulangan barang-barang itu ke Malaysia apabila diminta;
- (c) hak-hak, jika ada, pihak-pihak ketiga berkenaan dengan barang-barang itu.

(2) Segala-gala yang disebutkan dalam subseksyen (1) boleh diserahkan walaupun ekstradisi penjenayah buruan itu tidak dapat dilaksanakan disebabkan dia mati, hilang atau lepas lari, tertakluk kepada syarat-syarat yang tersebut dalam subseksyen itu.

**46.** Borang-Borang yang dinyatakan dalam Jadual boleh digunakan dalam perkara-perkara yang tersebut dalam Borang-Borang itu.

Borang-borang.

Kuasa Menteri untuk melepaskan mana-mana penjenayah buruan dalam jagaan.

47. Jika didapati oleh Menteri bahawa oleh sebab—

- (a) ringannya kes itu; atau
- (b) permohonan bagi pemulangan seseorang penjenayah buruan tidak dibuat dengan suci hati atau demi kepentingan keadilan atau adalah dibuat atas sebab-sebab politik,

atau atas apa-apa sebab lain, setelah mengambil kira segala hal keadaan, adalah tidak adil atau suatu perbuatan menindas jika penjenayah buruan itu dipulangkan, Menteri boleh, melalui perintah, pada bila-bila masa, menggantung mana-mana prosiding di bawah Akta ini dan mengarahkan supaya apa-apa waran yang dikeluarkan atau yang diendorskan di bawah Akta ini dibatalkan dan orang yang bagi penangkapannya waran itu telah dikeluarkan dilepaskan.

Rekuisisi-rekuisisi serentak.

48. (1) Jika rekuisisi bagi pemulangan seseorang penjenayah buruan diterima daripada lebih daripada satu negara, Menteri boleh, setelah mengambil kira hal keadaan kes itu, memulangkan penjenayah buruan itu kepada negara yang difikirkannya patut.

(2) Menteri, dalam menentukan kepada negara yang manakah penjenayah buruan itu sepatutnya dipulangkan, hendaklah menimbangkan segala hal keadaan kes itu dan khususnya—

- (a) keseriusan, secara perbandingan, kesalahan itu;
- (b) tarikh-tarikh, secara perbandingan, permintaan itu dibuat; dan
- (c) kewarganegaraan atau taraf kerakyatan lain penjenayah buruan itu dan kemastautinannya yang biasa.

Budi bicara berkenaan dengan pemulangan penjenayah-penjenayah buruan tertemu.

49. (1) Menteri boleh, mengikut budi bicaranya, enggan menyerahkan atau memulangkan seseorang penjenayah buruan jika—

- (a) penjenayah buruan itu warganegara Malaysia; atau
- (b) kesalahan ekstradisi itu ialah kesalahan yang berkenaan dengannya mahkamah-mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa.

(2) Jika ekstradisi ditolak di bawah subseksyen (1), Menteri hendaklah, jika mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa terhadap kesalahan ekstradisi itu, mengemukakan kes itu kepada Pendakwa Raya dengan tujuan supaya penjenayah buruan itu didakwa di bawah undang-undang Malaysia.

**50.** (1) Menteri boleh, melalui perintah di bawah tandatangan dan meterainya, menghendaki seseorang Majistret mengambil keterangan bagi maksud apa-apa perkara jenayah yang belum diputuskan di mana-mana Mahkamah atau Tribunal di mana-mana negara.

Pengambilan keterangan bagi maksud perkara-perkara jenayah yang belum diputuskan di sesuatu negara.

(2) Apabila perintah itu diterima, Majistret hendaklah mengambil keterangan tiap-tiap saksi yang hadir di hadapannya bagi maksud yang disebutkan dalam subseksyen (1) mengikut cara yang sama seolah-olah saksi itu hadir bagi suatu siasatan permulaan dalam kes seseorang yang dituduh atas suatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi dan hendaklah mengesahkan pada kaki deposisi yang diambil sedemikian bahawa keterangan itu telah diambil di hadapannya dan hendaklah menghantarnya kepada Menteri.

(3) Keterangan yang disebutkan dalam subseksyen (1) boleh diambil semasa orang yang dituduh, jika ada, hadir atau tak hadir dan hakikat kehadiran atau ketakhadiran itu hendaklah dinyatakan dalam deposisi-deposisi itu.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai dalam hal apa-apa perkara jenayah yang bersifat politik.

**51.** Mana-mana orang boleh dipaksa bagi maksud-maksud seksyen 50 supaya hadir dan memberikan keterangan dan menjawab soalan-soalan dan mengemukakan dokumen-dokumen mengikut cara yang sama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama sebagaimana dia boleh dipaksa sedemikian bagi maksud sesuatu siasatan permulaan dalam kes seseorang yang dituduh atas suatu kesalahan yang boleh dibicarakan

Saksi hendaklah hadir dan memberikan keterangan, dll.

oleh Mahkamah Tinggi, dan tiap-tiap orang sedemikian hendaklah, berkenaan dengan segala keterangan dan jawapan yang diberikan olehnya, menjadi terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar.

Pengambilan keterangan bagi maksud pemulangan penjenayah-penjenayah buruan ke Malaysia.

52. (1) Jika sesuatu waran telah dikeluarkan di Malaysia bagi pemberkasan seseorang dan dia berada, atau disyaki berada, di negara lain, Menteri boleh melalui perintah secara bertulis memberikuasa seseorang Majistret mengambil keterangan di Malaysia untuk dihantar ke negara yang berkenaan bagi digunakan dalam apa-apa prosiding di negara itu bagi pemulangan orang itu ke Malaysia.

(2) Apabila perintah itu diterima, Majistret itu hendaklah—

- (a) mengambil keterangan bersumpah atau berikrar setiap saksi yang hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan berhubungan dengan perkara itu;
- (b) menyebabkan keterangan itu diubah ke dalam bentuk tulisan dan memperakui bahawa keterangan itu diambil olehnya; dan
- (c) menyebabkan keterangan yang diperakui sedemikian dihantar kepada Menteri.

(3) Orang yang terhadapnya waran tangkap telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) tidak berhak untuk membuat apa-apa representasi atau menyebabkan apa-apa representasi dibuat dalam prosiding di bawah subseksyen (2) itu.

Kaedah-kaedah.

53. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah secara umum bagi menguatkuasakan Akta ini, dan, khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan yang terdahulu, kaedah-kaedah sedemikian boleh membuat peruntukan bagi—

- (a) apa-apa perkara yang dikehendaki, atau boleh, ditetapkan di bawah Akta ini;
- (b) pemindahan penjenayah-penjenayah buruan yang dituduh atau yang dalam jagaan di bawah

Akta ini dan kawalan dan penyenggaraan mereka sehingga masa mereka diserahkan kepada orang-orang yang dinamakan dalam waran sebagai orang-orang yang berhak untuk menerima mereka;

- (c) penyitaan dan pelupusan apa-apa harta yang menjadi hal perkara, atau dikehendaki untuk membuktikan, apa-apa kesalahan yang dikatakan yang baginya Akta ini terpakai;
- (d) bentuk dan cara bagaimana, atau saluran yang melaluinya seseorang Majistret boleh dikehendaki untuk membuat laporannya kepada Menteri; dan
- (e) pemindahan dan pemulangan penjenayah-penjenayah buruan yang juga banduan bagi serahan sementara mereka kepada sesebuah negara.

## BAHAGIAN X

### PEMANSUHAN

54. Ordinan Ekstradisi, 1958 dan Akta Penjenayah-Penjenayah Buruan Komanwel, 1967 adalah dengan ini dimansuhkan.

*Pemansuhan.  
Ord. 2/1958.  
Akta 54/1967.*

### JADUAL

(Seksyen 46)

BORANG A

(Seksyen 3)

### ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA.....telah membuat suatu permintaan bagi ekstradisi kepadanya akan..... yang beralamat di.....yang dituduh/disabitkan\* kerana melakukan kesalahan .....di dalam bidang kuasa.....

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya menurut kuasa seksyen 3 Akta Ekstradisi 1991, saya..... Menteri Dalam Negeri, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan-peruntukan Akta tersebut dipakai berhubung dengan ekstradisi penjenayah buruan yang berkenaan itu, iaitu .....seolah-olah ada berkuatkuasa berkenaan dengan..... suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 Akta tersebut.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai Menteri yang bertandatangan di bawah pada.....hb.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Menteri*

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

—————  
BORANG B  
(Seksyen 12)

**PERINTAH MENTERI KEPADA MAJISTRET**

Kepada..... seorang Majistret Kelas Pertama

BAHAWASANYA suatu permintaan telah dibuat kepada saya, di bawah seksyen 12 Akta Ekstradisi 1991 oleh..... Wakil Diplomatik .....bagi pemulangan .....yang beralamat di..... yang dituduh/disabitkan" kerana melakukan kesalahan..... di dalam bidang kuasa.....

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN. saya dengan ini melalui Perintah ini yang di bawah tandatangan dan meterai saya memaklumkan anda bahawa permintaan itu telah dibuat dan menghendaki anda mengeluarkan waran anda bagi pemberkasan buruan itu, dengan syarat bahawa syarat-syarat Akta Ekstradisi 1991 yang berhubungan dengan pengeluaran waran itu telah, pada pendapat anda, dipatuhi.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai Menteri yang bertandatangan di bawah pada.....hb.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Menteri*

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG C  
(Seksyen 13(IXa)»

**WARAN PEMBERKASAN MELALUI PERINTAH MENTERI**

Kepada Ketua Polis Negara Polis Diraja Malaysia dan semua pegawai polis lain di Malaysia

BAHAWASANYA Menteri telah melalui Perintah di bawah tandatangan dan meterainya memaklumkan saya bahawa permintaan telah dibuat dengan sewajarnya kepada beliau bagi penyerahan,.....yang beralamat di ..... yang dituduh/disabitkan\* kerana melakukan kesalahan .....di dalam bidang kuasa.....

Oleh yang demikian inilah diperintahkan supaya anda dengan serta-merta memberkas ..... yang tersebut menurut Akta Ekstradisi 1991 dimana-mana jua dia boleh ditemui di Malaysia dan membawanya ke hadapan saya atau Majistret Kelas Pertama lain untuk diperlakukan selanjutnya mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut, dan bagi maksud itu inilah waran anda.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai saya di..... pada.....hb.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Majistret Kelas Pertama*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG D  
(Seksyen 13(1)(&))

**WARAN PEMBERKASAN TANPA PERINTAH MENTERI**

Kepada Ketua Polis Negara Polis Diraja Malaysia dan semua pegawai polis di Malaysia

BAHAWASANYA, telah ditunjukkan kepada yang bertandatangan di bawah, seorang Majistret Kelas Pertama, bahawa..... yang beralamat di..... yang dituduh/disabitkan\* kerana melakukan kesalahan ..... di dalam bidang kuasa.....

Oleh yang demikian, inilah diperintahkan supaya anda dengan serta-merta memberkas ..... yang tersebut menurut Akta Ekstradisi 1991 di mana-mana jua dia boleh ditemui di Malaysia, dan membawanya ke hadapan saya atau Majistret Kelas Pertama yang lain untuk diperlakukan selanjutnya mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut, dan bagi maksud itu inilah waran anda.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai saya di .....  
 .....pada.....hb.....19.....  
 (L.S.)

.....  
*Majistret Kelas Pertama*

\* Potong mana-mana yang lidak berkenaan.

—————  
 BORANG E  
 (Seksyen 19)

**WARAN PENGKOMITAN**

Kepada .....(Pegawai Polis) dan kepada Pegawai Penjaga Penjara di.....

BAHAWASANYA pada.....hb.....19..... yang beralamat di.....dtbawa ke hadapan saya, seorang Hakim Mahkamah Sesyen, menurut permintaan yang dibuat oleh Kerajaan .....atas alasan bahawa dia dituduh/disabitkan\* kerana melakukan kesalahan.....di dalam bidang kuasa.....

DAN BAHAWASANYA suatu kes *prima facie* telah dibuktikan bagi menyokong permintaan yang dibuat oleh Kerajaan .....itu,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, saya..... yang bertandatangan di bawah, memerintahkan anda, Pegawai Polis tersebut, supaya dengan serta-merta membawa dan menyerahkan .....yang tersebut ke dalam jagaan Pegawai Penjaga Penjara di ..... dan anda, Pegawai Penjaga Penjara tersebut, supaya menerima .....yang tersebut ke dalam jagaan dan menahannya di situ dengan selamat sehingga dia diserahkan menurut peruntukan-peruntukan Akta Ekstradisi 1991, dan bagi maksud itu inilah waran anda.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai saya di.....  
 .....pada.....hb.....19.....  
 (L.S.)

.....  
*Hakim Mahkamah Sesyen*

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## BORANG F

(Seksyen 20)

**WARAN PENGKOMITAN**

Kepada .....(Pegawai Polis)  
 dan kepada Pegawai Penjaga Penjara di.....  
 .....

BAHAWASANYA pada.....hb.....,.....19.....  
 yang beralamat di .....dibawa ke hadapan saya,  
 .....seorang Hakim Mahkamah Sesyen, menurut suatu  
 permintaan bagi ekstradisinya yang dibuat oleh Kerajaan  
 ,.....atasalasan diadituh/disabitkan\*kerana melakukan  
 kesalahan.....di dalam bidang kuasa.....

DAN BAHAWASANYA saya berpuas hati setelah mendengar  
 representasi-representasi yang dibuat bagi menyokong permintaan  
 ekstradisi itu bahawa kesalahan..... ialah suatu  
 kesalahan ekstradisi.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, saya mengesahkan bahawa kelakuan  
 yang menjadi kesalahan.....adalah menjadi  
 kesalahan .....terhadap undang-undang  
 Malaysia.

DAN, OLEH YANG DEMIKIAN, saya memerintahkan anda, Pegawai Polis  
 yang tersebut, supaya dengan serta-merta membawa dan menyerahkan  
 ..... yang tersebut ke dalam jagaan Pegawai  
 Penjaga Penjara di.....dan anda, Pegawai  
 Penjaga Penjara yang tersebut, supaya menerima.....  
 yang tersebut ke dalam jagaan dan menahannya di situ dengan selamat  
 sehingga dia diserahkan menurut peruntukan-peruntukan Akta  
 Ekstradisi 1991, dan bagi maksud itu inilah waran anda.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai saya di.....  
 .....pada.....hb.....19.....  
 (L.S.)

.....  
*Hakim Mahkamah Sesyen*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## BORANG G

(Seksyen 21 dan 22(3))

**WARAN/WARAN PENYERAHAN SEMENTARA  
MENTERI BAGI PEMULANGAN PENJENAYAH BURUAN**

Kepada Pegawai Penjaga Penjara di .....  
dan kepada ..... (Pegawai Polis)

BAHAWASANYA suatu permintaan telah dibuat kepada saya di bawah  
seksyen 12/29\* Akta Ekstradisi 1991 oleh .....  
Wakil Diplomatik .....  
bagi pemulangan/pemulangan sementara\* . .....  
yang dituduh/disabitkan\* kerana melakukan kesalahan .....  
.....di dalam bidang kuasa .....

DAN BAHAWASANYA ..... telah  
diserahkan ke dalam jagaan, Pegawai Penjaga Penjara di.....  
.....melalui waran bertarikh .....  
menurut Akta Ekstradisi 1991.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, saya dengan ini, menurut Akta tersebut,  
memerintahkan anda, Pegawai Penjaga Penjara tersebut, supaya  
menyerahkan .....yang tersebut ke dalam  
jagaan .....yang tersebut dan saya  
memerintahkan anda, ..... yang  
tersebut supaya menerima.....yang  
tersebut ke dalam jagaan anda dan membawanya ke .....  
.....dan di sana menempatkannya dalam jagaan  
.....yang pada pendapat saya  
telah dilantik dengan sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa  
di.....untuk menerimanya, dan bagi maksud  
itu inilah waran anda.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai Menteri yang  
bertandatangan di bawah pada.....hb.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Menteri*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG H  
(Seksyen 22(2))

**WARAN PENGKOMITAN JIKA PENJENAYAH BURUAN  
BERSETUJU UNTUK MENEPIKAN PROSIDING  
PENGKOMITAN**

Kepada ..... (Pegawai Polis) dan  
Pegawai Penjaga Penjara di.....

BAHAWASANYA pada .....hb.....19.....  
.....yang beralamat di.....  
dibawa ke hadapan saya, seorang Hakim Mahkamah Sesyen, menurut  
suatu permintaan yang dibuat oleh Kerajaan .....  
atas alasan bahawa dia dituduh/disabitkan\* kerana melakukan  
kesalahan .....di dalam bidang kuasa  
.....

DAN BAHAWASANYA ... ..... selepas  
dinasihati mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 22(1)(b) Akta  
Ekstradisi 1991, bersetuju untuk menepikan prosiding pengkomitan.

Oleh yang demikian, inilah diperintahkan supaya anda, Pegawai  
Polis yang tersebut, dengan serta-merta membawa dan  
menyerahkan .....yang tersebut ke dalam  
jagaan Pegawai Penjaga Penjara di.....  
dan anda, Pegawai Penjaga Penjara tersebut, supaya menerima  
.....yang tersebut ke dalam jagaan anda dan  
menahannya di situ dengan selamat sehingga dia diserahkan menurut  
peruntukan-peruntukan Akta tersebut, dan bagi maksud itu inilah  
waran anda.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai saya di.....  
pada.....hb.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Hakim Mahkamah Sesyen*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG I  
(Seksyen 29(4))

**PERINTAH MENTERI UNTUK  
MENGEMUKAKAN PENJENAYAH BURUAN**

Kepada Pegawai Penjaga Penjara di.....

BAHAWASANYA ..... telah disabitkan oleh Mahkamah .....pada .....hb.....19.... kerana melakukan kesalahan ..... dan sekarang sedang menjalani hukuman .....di Penjara.....

DAN BAHAWASANYA suatu permintaan telah dibuat kepada saya, di bawah seksyen 29 Akta Ekstradisi 1991 oleh ..... Wakil Diplomatik.....bagi pemulangan sementara.....yang beralamat di..... yang dituduh/disabitkan\* kerana melakukan kesalahan ..... di dalam bidang kuasa.....

MAKA. OLEH YANG DEMIKIAN, saya melalui Perintah ini di bawah tandatangan dan meterai saya rnenghendaki anda mengemukakan .....ke hadapan Mahkamah Sesyen .....bagi suatu siasatan di bawah seksyen 19 Akta yang tersebut.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai Menteri yang bertandatangan di bawah pada.....hb.....19..... (L.S.)

.....  
*Menteri*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG J  
(Seksyen31(1))

**WARAN MENTERI BAGI PEMULANGAN BURUAN**

Kepada Pegawai Penjaga Penjara di..... dan kepada.....(Pegawai Polis)

BAHAWASANYA.....yang beralamat di .....yang disabitkan kerana melakukan kesalahan .....di dalam bidang kuasa .....dan dihukum..... telah dipulangkan atas waran penyerahan sementara di bawah seksyen.....AktaEkstradisi 1991,bertarih.....

DAN BAHAWASANYA .....telah dipulangkan oleh .....ke Malaysia pada .....hb.....,.....19.....menurut suatu akujanji yang diberikan oleh..... di bawah seksyen 29(2) Akta tersebut.

DAN BAHAWASANYA tempoh pemenjaraan..... di Malaysia akan tamat pada .....hb .....19..... dan bahawasanya..... masih mahu akan pemulangnya ke .....

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, saya dengan ini, menurut Akta tersebut, memerintahkan anda, Pegawai Penjaga Penjara tersebut, supaya menyerahkan .....yang tersebut ke dalam jagaan .....yang tersebut pada .....hb ..... 19..... dan saya memerintahkan anda,..... yang tersebut untuk menerima .....ke dalam jagaan anda dan membawanya ke .....dan di sana meletakkannya dalam jagaan mana-mana orang atau orang-orang yang dilantik oleh pihak-pihak berkuasa..... untuk menerimanya, dan bagi maksud itu inilah waran anda.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai Menteri yang bertandatangan di bawah pada.....hb.....,.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Menteri*

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

.....  
BORANG K  
(Seksyen 41)

**KEBENARAN UNTUK HADIR BAGI PIHAK PENDAKWA RAYA**

BAHAWASANYA ..... telah membuat suatu permintaan supaya diekstradisikan ke sana..... yang beralamat di.....yang dituduh/disabitkan\* kerana melakukan kesalahan..... pada .....hb .....19..... di dalam bidang kuasa.....

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya menurut kuasa seksyen 41 Akta Ekstradisi 1991, saya,.....Pendakwa Raya, dengan ini membenarkan.....hadir bagi pihak saya dalam.....(prosiding di bawah Akta ini) selama tempoh.....(tempoh).

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai saya di.....  
pada.....hb.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Pendakwa Raya*

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

—————  
BORANG L  
(Seksyen 50)

**PERINTAH MENTERI MENGHENDAKI PENGAMBILAN  
KETERANGAN**

Kepada..... seorang Majistret  
Kelas Pertama.

BAHAWASANYA suatu permintaan telah dibuat oleh .....  
supaya keterangan diambil di Malaysia bagi maksud.....  
.....

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya menurut kuasa seksyen 50 Akta Ekstradisi 1991, saya,..... Menteri Dalam Negeri, melalui Perintah ini menghendaki anda mengambil keterangan yang disebutkan di atas mengikut seksyen yang tersebut dalam Akta yang tersebut.

Diberikan di bawah tandatangan dan meterai Menteri yang bertandatangan di bawah pada.....hb.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Menteri*

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG M  
(Seksyen 52)

**PERINTAH MENTERI MEMBENARKAN PENGAMBILAN  
KETERANGAN**

Kepada..... seorang Majistret Kelas  
Pertama

BAHAWASANYA suatu waran telah dikeluarkan di Malaysia bagi  
pemberkasannya..... yang dituduh/disabitkan\*  
kerana melakukan kesalahan .....

DAN BAHAWASANYA ..... yang tersebut berada  
atau disyaki berada di dalam bidang kuasa .....

MAK.A. OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang  
diberikan kepada saya menurut kuasa seksyen 52 Akta Ekstradisi  
1991, saya, ..... Menteri Dalam Negeri,  
melalui Perintah ini, membenarkan anda mengambil, mengikut  
seksyen tersebut, apa-apa keterangan di Malaysia yang dikemukakan  
kepada anda bagi dihantar ke ..... untuk digunakan  
dalam mana-mana prosiding di.....bagi ekstradisi  
orang itu ke Malaysia.

Diberikan di bawah landatangan dan meterai Menteri yang  
bertandatangan di bawah pada.....hb.....,.....19.....  
(L.S.)

.....  
*Menteri*

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menyatukan peruntukan-  
peruntukan Ordinan Ekstradisi, 1958 dan Akta Penjenayah Buruan  
Komanwel, 1967 dan untuk membuat peruntukan-peruntukan baru  
yang berhubungan dengan ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan.

2. Bahagian I memperkatakan perkara-perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan-peruntukan  
berhubungan dengan pemakaian Rang Undang-Undang ini bagi  
negara-negara tertentu.

*Fasal 2* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memerintahkan bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah terpakai bagi sesuatu negara yang dengannya Malaysia ada perkiraan bagi ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan. *Fasal 3* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah terpakai berhubung dengan ekstradisi seseorang penjenayah buruan tertentu ke sesuatu negara yang berkenaan dengannya tiada perintah di bawah *Fasal 2* telah dibuat. *Fasal 4* bertujuan membenarkan Menteri mengarahkan pemakaian prosedur dalam *fasal 20* bagi seseorang penjenayah buruan dalam sesuatu kes jika Malaysia ada perkiraan dengan negara yang cuba mendapatkan pemulangan penjenayah buruan itu yang memperuntukkan penepian kehendak *prima facie*.

*Fasal 5* mengandungi takrif istilah-istilah tertentu yang didapati dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II memperkatakan kesalahan-kesalahan ekstradisi.

*Fasal 6* menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan istilah "kesalahan ekstradisi". *Fasal 7* menjadikan jelas bahawa bilamana ada sebutan dalam Rang Undang-Undang ini mengenai undang-undang sesuatu negara, sebutan itu termasuklah undang-undang yang berkuatkuasa dalam suatu bahagian negara itu.

4. Bahagian III memperkatakan pemulangan seseorang penjenayah buruan ke negara yang cuba mendapatkan pemulangannya.

*Fasal 8* bertujuan mengenakan sekatan-sekatan tertentu atas pemulangan penjenayah-penjenayah buruan. Antara lain, seseorang penjenayah buruan tidak boleh diserahkan kepada sesuatu negara yang cuba mendapatkan pemulangannya jika kesalahan yang baginya pemulangannya itu cuba didapatkan ialah kesalahan yang bersifat politik, atau jika dia akan didakwa atau dihukum kerana rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya atau jika pendakwaannya terhalang oleh masa. *Fasal 9* mengandungi kecualian-kecualian bagi sekatan-sekatan dalam *Fasal 8* tentang kesalahan-kesalahan politik.

*Fasal 10* bertujuan menghendaki sesuatu negara yang kepadanya seseorang penjenayah buruan telah dipulangkan bagi sesuatu kesalahan ekstradisi mendapatkan keizinan Menteri jika ia hendak membicarakan penjenayah itu atas suatu kesalahan ekstradisi lain yang dilakukan sebelum pemulangannya, atau jika negara itu hendak mengekstradisi penjenayah itu ke mana-mana negara lain untuk dibicarakan atau dihukum atas apa-apa kesalahan lain.

5. Bahagian IV memperkatakan prosedur bagi pemulangan penjenayah-penjenayah buruan.

*Fasal 11* memperuntukkan bahawa seseorang penjenayah buruan boleh ditangkap dan dipulangkan ke negara yang cuba mendapatkan pemulangannya jika suatu permintaan, di bawah *fasal 12*, bagi pemulangannya dibuat kepada Menteri oleh wakil diplomatik negara itu. Menteri boleh selepas itu mengeluarkan perintah kepada seorang Majistret memberikuasanya mengeluarkan waran bagi penangkapan penjenayah buruan itu. *Pasal 13* bertujuan memberi Majistret kuasa, jika suatu perintah di bawah *fasal 12* telah dikeluarkan, untuk mengeluarkan waran bagi penangkapan seseorang penjenayah buruan. Jika tiada perintah telah dikeluarkan di bawah *fasal 12*, Majistret itu boleh mengeluarkan waran sementara. Jika dia mengeluarkan waran sementara maka, di bawah *fasal 14*, dia mestilah menghantar laporan kepada Menteri tentang pengeluaran waran itu.

*Fasal 15* bertujuan membuat peruntukan tentang prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang ditangkap di bawah waran yang dikeluarkan oleh Majistret di bawah *fasal 13*, sementara *fasal 16* bertujuan untuk membuat peruntukan tentang prosedur berkenaan dengan penjenayah buruan yang ditangkap di bawah waran sementara yang dikeluarkan di bawah *fasal 13*, *Fasal 17* mengandungi prosedur yang hendaklah diikuti berkenaan dengan penjenayah buruan yang ditangkap berdasarkan waran sementara dan dibawa ke hadapan Majistret yang telah menerima perintah Menteri di bawah *fasal 12*.

*Fasal 18* menyatakan kuasa-kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Sesyen berhubung dengan perkara ekstradisi yang dibawa ke hadapannya dan *fasal 19* menyatakan prosedur yang hendaklah diikuti oleh Mahkamah Sesyen itu. *Fasal 20* mengandungi prosedur khas yang hendaklah diikuti oleh Mahkamah Sesyen dalam kes-kes jika Menteri telah mengeluarkan arahan di bawah *fasal 4*,

Di bawah *Fasal 21*, jika Mahkamah Sesyen mengkomitkan seseorang penjenayah buruan ke penjara untuk menunggu perintah Menteri bagi penyerahannya kepada negara yang cuba mendapatkan pemulangannya, Mahkamah itu mestilah memaklumkan bahawa dia tidak akan diserahkan sehingga selepas suatu tempoh yang tidak kurang daripada lima belas hari dan bahawa dia mempunyai hak untuk memohon untuk mendapatkan writ *habeas corpus*. Dia boleh dengan itu, di bawah waran penyerahan yang dikeluarkan oleh Menteri, diserahkan kepada orang yang diberikuasa dengan sewajarnya untuk menerimanya oleh negara yang cuba mendapatkan pemulangannya.

*Fasal 22* mengandungi prosedur yang hendaklah diikuti jika seseorang penjenayah buruan yang dibawa ke hadapan Mahkamah Sesyen bersetuju untuk menepikan prosiding pengkomitan di hadapan Mahkamah itu.

*Fasal 23* bertujuan untuk membolehkan dokumen-dokumen tertentu diterima sebagai keterangan dalam prosiding di bawah Rang Undang-Undang ini jika dokumen-dokumen itu telah disahkan dengan

sewajarnya; dan dokumen-dokumen itu adalah disifatkan telah disahkan dengan sewajarnya jika telah disahkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam *fasal 24*.

6. Bahagian V mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan pemulangan penjenayah-penjenayah buruan ke Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

*Fasal 25* mengandungi peruntukan-peruntukan yang menjadikan Bahagian VI terpakai bagi Brunei Darussalam dan Singapura dan takrif istilah "kesalahan".

*Fasal 26* bertujuan memberi seseorang Majistret di Malaysia kuasa untuk mengendors waran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kehakiman di Brunei Darussalam atau Singapura yang memberikuasa penangkapan seseorang yang dituduh atau disabitkan atas suatu kesalahan dan yang dipercayai ada di Malaysia. Ia juga bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengensel sesuatu waran terendos di bawah hal-hal keadaan tertentu.

Di bawah *fasal 27* sesuatu waran yang dikeluarkan di Malaysia tetapi diendors dan dilaksanakan di Brunei Darussalam atau Singapura akan disifatkan telah dilaksanakan dengan sah seolah-olah ia telah dilaksanakan di Malaysia.

*Fasal 28* mengandungi prosedur bagi pemindahan ke Brunei Darussalam atau Singapura penjenayah-penjenayah buruan yang ditangkap di bawah waran yang dilaksanakan di Malaysia menurut *fasal 26*.

1. Bahagian VI memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan pemulangan seseorang penjenayah buruan yang sedang menjalani hukuman di Malaysia untuk dibicarakan di negara yang cuba mendapatkan pemulangannya.

*Fasal 29* mengandungi prosedur bagi pemulangan penjenayah buruan seperti itu. Permintaan bagi pemulangannya mestilah dibuat kepada Menteri oleh wakil diplomatik negara yang cuba mendapatkan pemulangannya. Negara itu akan dikehendaki memberikan akujanji, antara lain, bahawa dia akan dipulangkan dengan serta-merta ke Malaysia apabila perbicaraannya tamat. Bagaimanapun, di bawah *fasal 30*, jika dia tidak lagi, semasa dia di negara yang satu lagi itu, kena menjalani hukuman di Malaysia, akujanji itu tidak lagi perlu dipatuhi. Masa yang dihabiskan oleh penjenayah buruan itu dalam jajaan berkaitan dengan pemulangannya di bawah *fasal 29* akan dikira sebagai masa yang dihabiskan untuk hukumannya di Malaysia.

Di bawah *fasal 31*, Menteri boleh mengeluarkan waran bagi pemulangan ke negara lain seseorang penjenayah buruan yang telah dipulangkan ke negara itu dan kemudiannya dipulangkan pula ke Malaysia jika negara itu masih mahu akan pemulangan penjenayah itu selepas dia menjalani hukumannya di Malaysia.

8. Bahagian VII memperkatakan pemulangan ke Malaysia orang-orang yang dituduh atau disabitkan.

*Fasal 32* mentakrifkan istilah "kesalahan boleh ekstradisi".

*Fasal 33* mengandungi peruntukan-peruntukan bagi pemindahan orang-orang yang dituduh yang dipulangkan ke Malaysia oleh sesuatu negara lain.

Di bawah *fasal 34*, seseorang yang dituduh atau disabitkan yang dipulangkan ke Malaysia tidak boleh dibicarakan atas sesuatu kesalahan yang dilakukan sebelum pemulangannya atau diekstradisikan ke suatu negara lain bagi dibicarakan atau dihukum atas sesuatu kesalahan ekstradisi yang dilakukan sebelum pemulangannya meiainkan jika syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Di bawah *fasal 35* seseorang yang sedang menjalani hukuman di mana-mana negara dan yang dipulangkan buat sementara ke Malaysia hendaklah ditahan dalam jagaan sebagaimana yang diperintahkan oleh Menteri, tidak boleh dibicarakan atas apa-apa kesalahan selain daripada kesalahan yang berdasarkannya dia dipulangkan atau apa-apa kesalahan yang lebih ringan hukumannya yang menjadi asas pemulangannya, dan tidak boleh dibicarakan berkenaan dengan apa-apa kesalahan boleh ekstradisi lain tanpa keizinan negara yang memulangkannya.

9. Bahagian VIII mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan *habeas corpus* dan kajian semula.

Di bawah *fasal 36* seseorang penjenayah buruan boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan writ *habeas corpus*,

*Fasal 37* bertujuan membolehkan Pendakwa Raya memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan kajian semula perintah pelepasan yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen di bawah *fasal 19*.

10. Bahagian IX mengandungi perkara-perkara pelbagai,

Di bawah *fasai 38* tiap-tiap koloni atau bahagian jujuk sesuatu negara dan tiap-tiap vesel atau pesawat udara negara itu disifatkan berada dalam bidang kuasa dan menjadi sebahagian daripada negara itu.

Di bawah *fasal 39* tiap-tiap penjenayah buruan boleh ditangkap dan dipulangkan tidak kira sama ada kesalahan yang berkenaan dengannya pemulangannya itu cuba didapatkan telah dilakukan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini dan sama ada mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan itu.

*Fasal 40* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengarahkan penahanan seseorang penjenayah buruan yang dalam perjalanan ke negara yang cuba mendapatkan pemulangannya.

*Fasal 41* bertujuan memberi Pendakwa Raya kuasa untuk membenarkan orang-orang tertentu hadir bagi pihaknya dalam apa-apa prosiding di bawah Rang Undang-Undang ini.

*Fasal 42* bertujuan menentukan bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di laut atau di udara.

*Fasal 43* bertujuan menjadikannya sah bagi Menteri memerintahkan pelepasan seseorang penjenayah buruan jika penjenayah buruan itu tidak dibawa keluar dari Malaysia dalam masa tiga bulan selepas dia dikomitkan ke penjara untuk menunggu pemulangannya ke negara yang cuba mendapatkan pemulangannya.

*Fasal 44* bertujuan menjadikan peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah terpakai bagi perkara-perkara yang tidak diperuntukkan dalam Rang Undang-Undang ini.

Di bawah *fasal 45* segala-gala yang ditemui dalam milikan seseorang penjenayah buruan pada masa dia ditangkap yang berguna sebagai keterangan dalam membuktikan kesalahan ekstradisi itu boleh, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, diserahkan bersama dengan penjenayah buruan itu.

*Fasal 46* memperkatakan borang-borang yang boleh digunakan dalam perkara-perkara di bawah Rang Undang-Undang ini.

*Fasal 47* bertujuan memberi Menteri kuasa, di bawah hal keadaan yang dinyatakan dalam fasal itu, untuk melepaskan mana-mana penjenayah buruan yang berada dalam jagaan.

*Fasal 48* bertujuan untuk memberi Menteri budi bicara memulangkan seseorang penjenayah buruan ke negara yang difikirkannya patut jika permintaan bagi pemulangan penjenayah buruan itu diterima daripada lebih daripada satu negara.

*Fasal 49* bertujuan untuk membolehkan Menteri enggan menyerahkan atau memulangkan seseorang penjenayah buruan jika penjenayah buruan itu warganegara Malaysia atau jika kesalahan ekstradisi itu ialah kesalahan yang berkenaan dengannya mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa.

*Fasal 50* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menghendaki seseorang Majistret mengambil keterangan bagi maksud apa-apa perkarajenayah yang belum diputuskan dalam mana-mana mahkamah atau tribunal di mana-mana negara lain. Bagi maksud/asa/ 50, saksi-saksi boleh dipaksa, di *bawahfasal 57*, untuk hadir dan memberikan keterangan atau mengemukakan dokumen.

*Fa sal 52* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk memberikuasa seseorang Majistret mengambil keterangan di Malaysia bagi kegunaan dalam mana-mana prosiding di negara lain bagi pemulangan ke Malaysia seseorang yang bagi penangkapannya suatu waran telah dikeluarkan di Malaysia.

*Fasal 53* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud-maksud Rang Undang-Undang ini.

*Fasal 54* bertujuan memansuhkan Ordinan Ekstradisi, 1958 dan Akta Penjenayah Buruan Komanwel, 1967.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1501.]